

14/02/1999

Venezuela mahu contohi Malaysia

VENEZUELA berminat untuk mempelajari pelbagai usaha dan strategi pembangunan ekonomi serta negara yang dilaksanakan oleh Malaysia selama ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata, perkara itu dinyatakan oleh Presiden Venezuela yang baru dilantik, Hugo Chavez Frias kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua pemimpin itu, yang berada di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Negara Kumpulan 15 (G-15), mengambil kesempatan mengadakan perbincangan dua hala, kelmarin.

Syed Hamid berkata, dalam perbincangan itu Venezuela antara lain menyatakan minatnya mempelajari teknologi penanaman kelapa sawit Malaysia yang berjaya membantunya menjadi antara pengeluar utama komoditi itu.

"Mereka juga berminat mendapatkan kepakaran Malaysia dalam sektor petroleum," katanya selepas tamat Sidang Kemuncak di sini tamat, petang semalam.

(END)